




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

21 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 437 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 229,012 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing di daerah Tawau dan Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 522 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 218,072 orang. Manakala 1,650 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 641 orang di hospital, 994 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 68 orang merangkumi 65 di ICU/repurposed kritikal *care* serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 69 (33.5%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 22 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a Jumlah kes harian bagi Sabah turun 108 kes berbanding semalam. Jumlah hari ini ialah 437 kes.
- b Lebih banyak Daerah mencatatkan penurunan kes harian daripada daerah-daerah yang merekodkan pertambahan kes. Antaranya ialah Penampang (-10) kes, Papar (-11) kes, Kota Belud (-19) kes, Tenom (-12) kes dan Tuaran (-25) kes. Kota Kinabalu kekal penyumbang terbanyak kes baharu dengan 98 kes, tambahan 6 kes berbanding semalam. Kinabatangan menambah 17 kes baharu daripada Kluster Sawit Mania yang diisytiharkan hari ini.
- c Adalah diperhatikan bahawa daerah-daerah yang sering mencatatkan jumlah kes harian yang tinggi juga mencatat jangkitan secara sporadik (kategori bergejala) dalam jumlah yang banyak. Sebagai misalan, 45 daripada 98 kes di Kota Kinabalu hari ini adalah kes-kes melalui Saringan Bergejala, 19 daripada 39 kes di Penampang, 23 daripada 38 di Kota Belud dan 13 daripada 26 di Ranau. Secara keseluruhan 46% atau 201 daripada 437 kes hari ini merupakan kes Saringan Bergejala yang berpunca daripada jangkitan secara sporadik.
- d Amatlah penting bagi semua penduduk mematuhi SOP secara serius dan berdisiplin bagi mengelak daripada jangkitan khususnya apabila berada di tempat-tempat awam atau dalam perjumpaan secara berkumpulan. Seperti yang sering diperingatkan, vaksin tidak memberi perlindungan 100% daripada jangkitan walaupun sudah menerima vaksin yang lengkap. Ia hanya menyelamatkan kita daripada kesan serius akibat jangkitan COVID-19 yang boleh membawa maut. Sebagai langkah mempertingkatkan imuniti badan kita, amatlah digalakkan agar semua yang layak mendapatkan dos penggalak (booster dose) mengikut jadual.

- e Jumlah pesakit yang mengalami kesan serius akibat jangkitan COVID-19 masih rendah. Dua orang pesakit dilaporkan dalam Kategori 3, satu pesakit dalam Kategori 4 dan tiga dalam Kategori 5. Sebanyak 420 orang daripada 437 pesakit hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, yakni mereka yang tidak mengalami sebarang gejala atau sekadar gejala ringan. Seramai 11 pesakit lagi belum dikategorikan kerana masih dalam penilaian JKNS.
- f Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (188) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	17	3.89%
2	Bergejala	201	46.00%
3	Kontak	188	43.02%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	31	7.09%
JUMLAH		437	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (20 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 20/11/2021	Catatan Kes 21/11/2021	Perbandingan
1	Kinabatangan	2	17	+15
2	Kota Kinabalu	92	98	+6
3	Lahad Datu	5	9	+4
4	Sandakan	10	13	+3
5	Kuala Penyu	6	9	+3
6	Kunak	0	2	+2
7	Putatan	18	19	+1
8	Beaufort	18	19	+1
9	Keningau	14	14	Mendatar
10	Telupid	13	13	Mendatar
11	Kalabakan	1	1	Mendatar
12	Tuaran	47	22	-25
13	Kota Belud	57	38	-19
14	Kota Marudu	26	13	-13
15	Sipitang	17	4	-13
16	Tenom	36	24	-12
17	Papar	43	32	-11
18	Penampang	49	39	-10
19	Tawau	13	5	-8
20	Tambunan	13	5	-8
21	Pitas	8	1	-7
22	Kudat	16	10	-6
23	Tongod	6	2	-4
24	Semporna	3	0	-3
25	Ranau	28	26	-2
26	Beluran	3	2	-1
27	Nabawan	1	0	-1
JUMLAH		545	437	-108

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (07 November – 20 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	46	45	0	7	98	1,084
Penampang	0	19	19	0	1	39	454
Kota Belud	0	12	23	0	3	38	616
Papar	0	16	14	0	2	32	372
Ranau	0	9	13	0	4	26	525
Tenom	0	14	10	0	0	24	365
Tuaran	0	12	8	0	2	22	727
Beaufort	0	5	14	0	0	19	444
Putatan	0	12	5	0	2	19	215
Kinabatangan	17	0	0	0	0	17	164
Keningau	0	3	11	0	0	14	252
Kota Marudu	0	2	9	0	2	13	420
Telupid	0	5	5	0	3	13	68
Sandakan	0	9	2	0	2	13	175
Kudat	0	2	8	0	0	10	193
Kuala Penyu	0	7	2	0	0	9	88
Lahad Datu	0	0	8	0	1	9	112
Tawau	0	2	2	0	1	5	176
Tambunan	0	5	0	0	0	5	220
Sipitang	0	4	0	0	0	4	142
Tongod	0	0	2	0	0	2	51
Beluran	0	1	1	0	0	2	110
Kunak	0	1	0	0	1	2	20
Pitas	0	1	0	0	0	1	104
Kalabakan	0	1	0	0	0	1	12
Semporna	0	0	0	0	0	0	11
Nabawan	0	0	0	0	0	0	24
JUMLAH	17	188	201	0	31	437	7,144

- d Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Sawit Mania	17
Jumlah		17

- 6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Sawit Mania - Kinabatangan adalah kluster jenis tempat kerja yang menular di Ladang Sawit Amalania, Kinabatangan. Kluster ini mula dikesan melalui ujian saringan RTK-Ag seorang lelaki tempatan, 59, pemandu lori di ladang berkenaan. Hasil saringan mendapati, kes indeks positif 100% dan telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan selanjutnya. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati, seramai 16 orang kontak sosial, pekerja dan tanggungan turut didapati positif COVID-19.

- 7 Jumlah kapasiti katil 5,470 unit

- Hospital 1,413 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,567 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.16%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 21 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	430
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	7
Jumlah	437

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	405
Bukan Malaysia	32
Jumlah	437

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	66
Belum Menerima Vaksin	55
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	315
Jumlah	437

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	6
1 to 5	22
6 to 11	38
12 to 17	28
18 to 25	71
26 to 59	215
>60	57
Jumlah	437

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 20 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,945 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,212 orang adalah penduduk dewasa dan 733 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 20 November 2021 adalah seramai 2,437,356 orang. Ini meliputi 2,104,293 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.29% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,383,412 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,078,902 orang atau 75.37% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 333,063 orang atau 76.74% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 304,510 atau 70.16% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **676,825** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,484 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 54 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 74 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 70 Orang : Tiada Penjarakan Sosial
 - Empat (4) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 154 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 22 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,676 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di Lahad Datu.
 - iii Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 258 Premis Perniagaan melibatkan 144 anggota APM. Sebanyak 13 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 173 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 109 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6 %** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beaufort	98.8%
2	Kudat	98.7%
3	Beluran	98.7%
4	Papar	98.7%
5	Kota Marudu	98.6%
6	Tenom	98.6%
7	Penampang	98.6%
8	Ranau	98.6%
9	Sipitang	98.6%
10	Keningau	98.6%
11	Kunak	98.5%
12	Tuaran	98.5%
13	Kinabatangan	98.5%
14	Semporna	98.5%
15	Tawau	98.5%
16	Lahad Datu	98.4%
17	Kota Belud	98.4%
18	Sandakan	98.4%
19	Kota Kinabalu	98.3%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**